

Naik 75 kali ganda

Johor Bahru

Sebanyak 7,967 kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dilaporkan di Johor sejak 1 Jan lalu hingga kelmarin, peningkatan sebanyak 75 kali ganda berbanding 106 kes bagi tempoh sama tahun lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri Ling Tian Soon berkata kebanyakan kes berlaku dalam kalangan kanak-kanak berusia bawah enam ta-

hun iaitu 6,870 kes, diikuti tujuh hingga 12 tahun (946) dan bakinya lebih daripada 13 tahun.

Beliau berkata daerah Johor Bahru mencatat bilangan kes tertinggi iaitu 2,741 kes, Kluang (1,039), Tangkak (855), Batu Pahat (817), Segamat (679), Kota Tinggi (616), Pontian (532), Muar (313), Kulai (258) dan Mersing (117).

“Setakat ini, sebanyak lima wabak aktif HFMD dilaporkan di Johor dan semuanya membabitkan dae-

rah Johor Bahru.

“Bagaimanapun, situasi ini masih terkawal. Ini dibuktikan dengan penurunan ketara trend kes HFMD yang dilaporkan di negeri ini bermula pada minggu epidemiologi (ME) ke-22/2022 hingga ME ke-26/2022,” katanya dalam satu kenyataan.

Ling berkata lokasi penularan HFMD di negeri ini melibatkan taska iaitu 45 wabak diikuti rumah persendirian (22), tabika (13), tadika (sembilan), praseko-

lah (lapan), sekolah rendah dan pusat jagaan harian masing-masing tiga manakala lain-lain (dua).

Sehubungan itu, beliau mengingatkan pengusaha institusi penjagaan kanak-kanak supaya mengambil langkah berjaga-jaga termasuk membasuh tangan dengan sabun dan air bersih selepas menggunakan tandas, sebelum menyediakan makanan, selepas menukar lampin dan mencuci najis kanak-kanak.